




MOHD Sani Harun, 41, mengambil barangan untuk diselamatkan selepas rumahnya dinaiki air banjir kilat di Kampung Lahar Ikan Mati, Kepala Batas.

Azma Razana Johari
am@hmetro.com.my

Bukit Mertajam

Hujan lebat yang berlarutan lebih tiga jam menyebabkan Kampung Manggis, di sini, dinaiki air, sekali gus menjejaskan hampir 20 rumah penduduk di kawasan terbabit.

Penduduk, Mohd Radzi Abu Bakar, 50, berkata, air mula naik kira-kira jam 6.30 pagi selepas hujan lebat yang berlarutan sejak jam 3 pagi, semalam.

Menurutnya, ini adalah kali ketiga banjir kilat berlaku di kampung berkenaan pada tahun ini.

"Saya rasa tidak sedap hati dan lihat air mula naik serta memasuki rumah dengan mendadak.

"Banjir kali ini paling teruk

selepas air mula naik hampir 0.6 meter dan saya mengarahkan isteri serta tiga anak menyelamatkan dokumen penting dan perabot," katanya.

Menurutnya, dia sudah menetap di situ sejak lebih 40 tahun lalu dan masalah banjir di kawasan itu berlaku sudah terlalu lama.

"Kawasan di sini rendah dan jika hujan

berterusan, air naik dengan cepat," katanya.

Sementara itu, jurucakap Jabatan Pengairan dan Saliran berkata, sehingga jam 2 petang, air belum surut dengan kedalaman sehingga 1 meter.

Menurutnya, banjir berkenaan berpunca daripada limpahan air Sungai Junjung disebabkan tidak dapat menampung tekanan air di sungai berkenaan.

"Kita akan mengambil tindakan dengan menutup

saluran keluar sedia ada serta membina pintu air baru bagi mengatasi masalah banjir ini," katanya.

Bagaimanapun, katanya, sehingga petang semalam, tiada keluarga yang dipindahkan ke pusat pemindahan.

FAKTA
Banjir berpunca daripada limpahan air Sungai Junjung

LANGIT NANGIS TIGA JAM

■ 20 rumah penduduk dilanda banjir kilat 0.6 meter



AWANG Othman dan isterinya, Che Wan Mat terpaksa makan dalam keadaan rumah mereka digenangi air selepas hujan lebat di Padang Tonson, Tasek Gelugor, semalam.



PENDUDUK dibantu jiran membersihkan rumah.